

06/06/2004

PM berjanji terus perangi rasuah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau hanya akan berpuas hati dengan kempen semasanya dalam memerangi rasuah di negara ini setelah indeks rasuah Malaysia dapat dikurangkan dengan ketara.

"Saya pasti akan gembira apabila indeks jenayah telah diperbaiki," kata Perdana Menteri menjawab soalan Lorraine Hahn, hos program temu bual "Talk Asia" CNN selama 30 minit yang disiarkan semalam.

Dalam Indeks "Transparency International Corruption Perceptions" bagi 2003, Malaysia yang mencatatkan 5.2, menduduki ranking ke-37 daripada 133 negara dan kelima di kalangan negara Asia selepas Singapura, Hong Kong, Jepun dan Taiwan.

Presiden Transparency International Malaysia Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim berkata Malaysia telah "berlegar" pada tahap yang sama sejak ranking itu diperkenalkan.

Abdullah berkata, beliau telah berjanji kepada rakyat untuk meneruskan kempenya itu tanpa rasa bimbang atau memihak kepada sesiapa.

"Jika perlu dibawa ke mahkamah, maka kita akan hadapkan ke mahkamah. Tapi saya selalu berkata yang penting ialah memastikan keadilan mesti sentiasa dipelihara sepanjang masa," katanya.

Ditanya mengenai tindakan susulan dalam kempen antirasuahnya, Perdana Menteri berkata ia termasuklah peringatan berterusan kepada kakitangan awam.

"Inilah perkara yang akan selalu saya perkatakan. Ia juga merupakan topik yang akan diperkatakan oleh rakan-rakan saya dalam Kabinet," katanya.

Perdana Menteri berkata, Pelan Integriti Nasional dan Institut Integriti Malaysia yang dilancarkan pada 23 April lalu juga akan memainkan peranan penting dalam usaha kerajaan membendung rasuah di setiap peringkat.

Beliau turut diminta mengulas bahawa ada yang kecewa kerana Kabinetnya mengekalkan sejumlah menteri-menteri kabinet Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Itulah tanggapan mereka, tapi bagi saya, saya mesti melantik anggota Kabinet yang saya tahu dan yakin dapat menjalankan tugas. Saya sentiasa berkata bahawa kita boleh gunakan kenderaan yang sama dengan menukar pemandunya.

Kepada soalan lain, Abdullah menegaskan bahawa beliau tidak diselubungi bayang-bayang Dr Mahathir.

"Tidak, beliau (Mahathir) telah membuat keputusan, Tun beritahu saya beliau tidak akan campur tangan dengan apa yang saya lakukan, Tun tidak akan membuat komen terhadap apa yang saya lakukan. Beliau berkata ini kerajaan saya (Abdullah). Buatlah apa yang saya mahu kerana anda adalah Perdana Menteri," katanya.

(END)